

ZAKAT DAN AMALAN PEMAKAIAN EMAS PERHIASAN WANITA DI NEGERI KEDAH

Mardzelah binti Makhsin^{1*}

Azizah binti Othman²

Mohamad Fadhli bin Ilias³

¹Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

²Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

³Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Malaysia

*Corresponding author (Email: mardzelah@gmail.com)

Received: 30 August 2021, Reviewed: 15 September 2021, Published: 30 September 2021

Abstrak: Emas adalah salah satu harta yang wajib dibayar zakat. Zakat emas perhiasan di Malaysia ditetapkan berdasarkan fatwa negeri-negeri dan tidak seragam antara satu negeri dengan negeri yang lain. Ini kerana kadar nisab emas perhiasan tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Hadith. Pemakaian emas perhiasan sewajarnya pada kadar pemakaian yang tidak berlebihan dan merujuk kepada kadar yang menjadi kebiasaan masyarakat setempat. Kebanyakan negeri-negeri di Malaysia menggunakan kaedah 'urf sebagai asas dalam penetapan kadar pemakaian emas. Setiap negeri telah membuat penetapan kadar zakat emas perhiasan dan kajian mendapati terdapat perbezaan jumlahnya. Keadaan ini disebabkan setiap negeri mempunyai kaedah tertentu yang digunakan sebagai panduan bagi menentukan kadar nisab atau 'urf bagi penetapan zakat emas perhiasan. Negeri Kedah telah menetapkan kadar 'urf zakat emas perhiasan adalah 170gram. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kewajaran 'urf perlu dikekalkan oleh dinaikkan berdasarkan kajian tinjauan pemakaian emas dalam kalangan wanita di daerah-daerah negeri Kedah yang terdiri daripada daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap, Pokok Sena, Sik, Baling, Kulim, Kuala Muda, Yan, Langkawi dan Bandar Baharu. Dapatan kajian menunjukkan seramai 49.7% wanita memiliki 1-30gram emas perhiasan. Ini bermakna kadar uruf 170gram pada masa sekarang telah memadai berdasarkan amalan kebiasaan pemakaian emas wanita di Kedah.

Kata kunci: Zakat, Emas, Perhiasan, Nisab, 'Urf.

Abstract: Gold is one of the properties that must be paid zakat. Zakat on gold jewelry in Malaysia is set based on the fatwas of the states and is not uniform from one state to another. This is because the nisab rate of gold jewelry is not stated in the Quran and Hadith. The wearing of gold jewelry is appropriate at a rate of wear that is not excessive and refers to the rate that is common to the local community. Most states in Malaysia use the 'urf method as a basis in determining the rate of gold consumption. Each state has set the rate of zakat on gold jewelry and the study found that there is a difference in the amount. This situation is because each state has a specific method that is used as a guide to determine the rate of nisab or 'urf for the determination of zakat on gold jewelry. The State of Kedah has set the rate of 'urf zakat on gold jewelry is 170 grams. Therefore this study was conducted to identify the appropriateness of 'urf should be maintained by raised based on a survey study of gold wear

among women in the districts of Kedah consisting of the districts of Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap, Pokok Sena, Sik, Baling, Kulim, Kuala Muda, Yan, Langkawi and Bandar Baharu. The findings of the study showed that 49.7% of women own 1-30 grams of gold jewelry. This means that the current rate of 170 grams is sufficient based on the customary practice of wearing gold by women in Kedah.

Keywords: *Zakat, Gold, Jewelry, Nisab, 'Urf.*

PENGENALAN

Islam ialah satu cara hidup yang sempurna dalam semua aspek kehidupan manusia. Ia menyediakan satu garis panduan yang lengkap khususnya bagaimana meningkatkan pendapatan seperti zakat, wakaf, infaq dan bersedekah. Bagi golongan yang layak menerima zakat, ia menambah baik kedudukan sosio ekonomi mereka. Berdasarkan dalil-dalil dan ijma' sepakat ulama Islam bahawa adalah menjadi suatu kewajipan bagi setiap Muslim yang berkemampuan untuk menunaikan tanggungjawab membayar zakat. Antara jenis zakat yang mendapat perhatian masa kini ini ialah zakat emas perhiasan. Menurut jumhur ulama, zakat tidak diwajibkan ke atas emas yang dijadikan perhiasan wanita. Hujah mereka ialah tiada dalil yang memerintahkan supaya para wanita mengeluarkan zakat bagi perhiasan yang mereka pakai, di samping isteri-isteri Nabi dan isteri para sahabat sendiri tidak pernah mengeluarkan zakat ke atas barang perhiasan mereka seperti riwayat yang bermaksud:

“...Dari Abd ar-Rahman ibn al-Qasim dari bapanya bahawa Saidatina Aisyah ra, isteri Nabi, menjaga beberapa orang anak yatim perempuan di rumahnya (iaitu anak-anak saudaranya). Mereka memakai perhiasan-perhiasan dan Aisyah tidak pernah mengeluarkan zakat untuk perhiasan-perhiasan tersebut...”

(Hadith Riwayat Imam Malik)

dan diriwayatkan juga yang bermaksud:

“...Dari Nafi bahawasanya Abdullah ibn Umar, seorang sahabat, memberi pakai perhiasan-perhiasan emas kepada anak-anak perempuan dan hamba-hamba perempuannya, namun dia tidak pernah mengeluarkan zakat untuk perhiasan-perhiasan tersebut...”

(Hadith Riwayat Imam Malik)

PENETAPAN KADAR ZAKAT EMAS DI MALAYSIA

Kadar nisab emas perhiasan tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Hadith. Bagi negeri-negeri di Malaysia, penentuan uruf dilakukan melalui kajian dan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing. Ada negeri yang telah mewartakannya dan ada negeri yang tidak mewartakannya. Kewajipan mengeluarkan zakat emas pakai adalah berdasarkan uruf setiap negeri seperti jadual di bawah:

Negeri	Uruf Emas Perhiasan	Kaedah Pengiraan Zakat	Catatan
Kedah	170 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Melaka	180 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Negeri Sembilan	200 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Selangor	800 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Wilayah Persekutuan	800 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Johor	850 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Terengganu	850 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Sarawak	90 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Sabah	152 gram	Lebihan uruf	1. Lebihan daripada uruf dikenakan zakat 2. Telah difatwakan
Perlis	85 gram	Keseluruhan emas	1. Zakat atas keseluruhan 2. Telah difatwakan 3. Tiada istilah Had Uruf di Negeri Perlis. 4. Semua pemilik emas yang melebihi nisab 85gram emas dikenakan zakat.
Pulau Pinang	250 gram	Keseluruhan emas	1. Zakat atas keseluruhan 2. Telah difatwakan 3. Semua pemilik emas yang melebihi kadar uruf 250gram emas dikenakan zakat.
Perak	500 gram	Keseluruhan emas	1. Zakat atas keseluruhan 2. Telah difatwakan 3. Semua pemilik emas yang melebihi kadar uruf 500gram emas dikenakan zakat.
Pahang	500 gram	Keseluruhan emas	1. Zakat atas keseluruhan 2. Telah difatwakan

			3. Semua pemilik emas yang melebihi kadar uruf 500gram emas dikenakan zakat.
Kelantan	Tiada	-	

ZAKAT EMAS PERHIASAN DI NEGERI KEDAH


Zakat bagi emas perhiasan di Kedah hanya akan dikenakan apabila ianya melebihi kadar uruf yang ditetapkan iaitu sebanyak 170 gram. Nilai yang diambil kira adalah nilai emas tidak termasuk batu-batu permata. Kaedah yang digunakan untuk menghitung jumlah zakat yang dikenakan adalah berat emas akan ditolak daripada berat emas permata untuk mendapatkan berat emas sahaja dan nilai tersebut akan ditolak pula dengan kadar uruf iaitu 170 gram. Nilai tolakan tersebut akan dikalikan dengan harga semasa 1gram emas iaitu RM 185.50. Jumlah zakat yang akan dikenakan akan didapati apabila harga emas yang diperolehi dikalikan dengan 2.5%. Zakat bagi emas simpan yang tidak dipakai dalam tempoh setahun hanya akan dikenakan apabila emas tersebut menyamai atau melebihi kadar nisab sebanyak 85 gram. Oleh itu, sebanyak 2.5% daripada nilai emas tersebut akan diambil kira dan ianya tidak termasuk batu-batu permata. Jumlah zakat yang dikenakan akan didapati apabila nilai berat emas yang ditolak dengan berat batu permata dikalikan dengan RM 185.50 yang merupakan nilai semasa bagi 1gram emas. Hanya 2.5% akan dikenakan dari jumlah akhir pengiraan tersebut.

KAEDAH KAJIAN


Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan gambaran sebenar pemakaian emas di kalangan wanita di negeri Kedah. Kaedah ini bersesuaian kerana ia melibatkan jumlah sampel yang ramai dan menggunakan borang soal selidik berstruktur untuk memudahkan pengumpulan dan analisis data kajian. Seramai 1287 orang wanita dipilih secara rawak dalam 12 daerah di negeri Kedah. Soal selidik telah diedarkan secara dalam talian menggunakan Google Form.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan rajah di bawah menjelaskan pemakaian emas wanita di daerah-daerah negeri Kedah yang terdiri daripada daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap, Pokok Sena, Sik, Baling, Kulim, Kuala Muda, Yan, Langkawi dan Bandar Baharu. Dalam rajah 1 menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Kota Setar. Jumlah responden daerah Kota Setar yang terlibat dalam menjawab soal selidik bagi soalan ini adalah seramai 99 orang. Dalam rajah dia atas, dapat dijelaskan bahawa peratus tertinggi berat emas dipakai adalah pada berat 1 – 30 gram iaitu 50% dengan kekerapan 49 orang responden diikuti peratus bagi berat 31 – 60 gram iaitu 17% dengan kekerapan 17 orang responden. Peratus ketiga tertinggi adalah bagi berat emas 61 – 90 gram iaitu 13% dengan kekerapan 13 orang responden. Kemudian, peratus yang sama dapat dilihat pada berat emas 91 – 170 gram dan 201 gram ke atas iaitu 5% dengan kekerapan 5 orang responden. Berat emas yang dipakai dengan peratus paling rendah adalah bagi berat 171 – 200 gram iaitu 3% dengan kekerapan 3 orang responden. Yang terakhir adalah peratus bagi tiada berat iaitu 7% dengan kekerapan 7 orang responden.




Rajah 1. Berat Emas dipakai Bagi Daerah Kota Setar




Rajah 2. Berat Emas dipakai Bagi Kubang Pasu

Bagi rajah 2 menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Kubang Pasu. Jumlah responden yang menjawab bagi daerah ini adalah sebanyak 116 orang responden. Peratus berat 1 – 30 gram adalah sebanyak 47% dengan kekerapan 55 orang responden. Seterusnya adalah berat bagi 31 – 60 gram menunjukkan peratus sebanyak 30% dengan kekerapan 35 orang responden. Kemudian, peratus yang sama dicatatkan bagi berat 61 – 90 gram dan 171 – 200 gram ke atas iaitu 5% dengan kekerapan 6 orang responden. Seterusnya bagi berate mas 91 – 170 gram menunjukkan peratus sebanyak 8% dengan kekerapan 9 orang responden. Dua kategori lain menunjukkan peratus kurang daripada 5% iaitu bagi berat emas 201 gram ke atas sebanyak 2% dengan kekerapan 2 orang responden dan peratus bagi tiada berat adalah 3% dengan kekerapan 3 orang responden.



Rajah 3. Berat Emas dipakai Bagi Pendang


Rajah 3 menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Pendang. Jumlah responden yang menjawab bagi daerah ini adalah seramai 85 orang. Peratus tertinggi berat emas dipakai dapat dilihat pada berat 1 – 30 gram iaitu 51% dengan kekerapan 43 orang responden. Berat 31 – 60 gram pula menunjukkan peratus sebanyak 24% dengan kekerapan 20 orang responden. Bagi berat 61 – 90 gram pula mencatatkan nilai peratus sebanyak 6% dengan kekerapan 5 orang responden. Seterusnya peratus berat emas bagi 91 – 170 gram adalah sebanyak 7% dan kekerapan adalah seramai 6 orang responden. Peratus paling rendah dilihat pada berat emas 171 – 200 gram iaitu 4% dengan jumlah kekerapan seramai 3 orang responden. Manakala, Peratus dan kekerapan bagi berate mas 201 gram ke atas dan tiada berat adalah sebanyak 5% dengan kekerapan 4 orang responden.



Rajah 4. Berat Emas dipakai Bagi Padang Terap


Rajah 6 menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Padang terap. Jumlah responden yang menjawab soalan ini bagi daerah Padang Terap adalah seramai 84 orang responden. Berat emas

1 – 30 gram menunjukkan peratus sebanyak 46% dengan kekerapan 39 orang responden. Seterusnya berat emas dipakai 31 – 60 gram mencatatkan peratus sebanyak 18% dengan kekerapan 15 orang responden diikuti berat emas 61 – 90 gram iaitu 14% dengan kekerapan 12 orang responden. Bagi berat emas 91 – 170 gram pula menunjukkan peratus sebanyak 8% dengan kekerapan 7 orang responden. Peratus kurang daripada 5% dapat dilihat bagi berat emas 171 – 200 gram iaitu 3% dengan kekerapan 2 orang responden. Manakala, berat emas 201 gram ke atas mencatatkan peratus sebanyak 5% dengan kekerapan 4 orang responden dan terakhir bagi tiada berat menunjukkan peratus sebanyak 6% dengan kekerapan 5 orang responden.




Rajah 5. Berat Emas dipakai Bagi Pokok Sena

Rajah dan jadual 5 menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Pokok Sena. Jumlah responden yang menjawab soalan ini bagi daerah Pokok Sena adalah seramai 92 orang responden. Kategori 1 – 30 gram menunjukkan peratus tertinggi iaitu 52% dengan kekerapan 48 orang responden diikuti kategori berat emas 31 – 60 gram dengan peratus 22% dan kekerapan 20 orang responden. Kategori berat emas 61 – 90 gram pula menunjukkan peratus sebanyak 9% dengan kekerapan 8 orang responden. Bagi berat emas 91 – 10 gram pula mencatatkan peratus sebanyak 7% dengan kekerapan 6 orang responden. Berat emas 171 – 200 gram menunjukkan peratus sebanyak 4% dengan kekerapan 4 orang responden. Berat emas 201 gram ke atas mencatatkan peratus sebanyak 5% dan juga kekerapan adalah seramai 5 orang responden. Manakala yang terakhir adalah kategori tiada berat iaitu 1% dengan kekerapan 1 responden.




Rajah 6. Berat Emas dipakai Bagi Sik

Bagi rajah 6 pula menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Sik. Jumlah responden yang menjawab soalan ini bagi daerah Sik adalah seramai 117 orang. Peratus tertinggi berat emas dipakai bagi daerah ini adalah dalam kategori berat 1 – 30 gram iaitu sebanyak 47% dan kekerapan 54 orang responden. Peratus kedua tertinggi pula adalah bagi berat emas 31-60 gram iaitu 24% dengan kekerapan 27 orang responden diikuti kategori berat 61 – 90 gram sebanyak 10% dengan kekerapan 11 orang responden. Seterusnya, kategori berat emas 91-170 gram menunjukkan peratus 6% dengan kekerapan 7 orang responden. Kategori berat emas 171-200 gram dan tiada berat mencatatkan nilai peratus yang sama iaitu 4% dengan kekerapan 5 orang responden. Terakhir adalah berat emas 201 gram ke atas iaitu peratus sebanyak 7% dengan kekerapan 8 orang responden.




Rajah 7. Berat Emas dipakai Bagi Baling

Rajah 7 menunjukkan kategori berat emas dipakai bagi daerah Baling. Jumlah responden yang menjawab soalan ini bagi daerah Baling adalah seramai 107 orang responden. Bagi berat emas 1 – 30 gram, kategori ini menunjukkan nilai peratus sebanyak 50% dengan kekerapan sebanyak 55 orang responden diikuti berat emas 31 – 60 gram iaitu peratus sebanyak 24% dengan kekerapan 26 orang responden. Seterusnya peratus berat emas 61 – 90 gram menunjukkan peratus sebanyak 12% dengan kekerapan 13 orang responden. Peratus bagi berat emas 91 – 170 gram pula adalah sebanyak 6% dengan kekerapan 6 orang responden. Manakala bagi kategori berat emas 201 gram ke atas dan juga tiada berat emas menunjukkan nilai peratus yang sama iaitu 3% dan juga kekerapan yang sama iaitu 3 orang responden. Peratus terendah adalah bagi kategori berat emas 171 – 200 gram iaitu 1% dengan kekerapan 1 responden.




Rajah 8. Berat Emas dipakai Bagi Kulim

Rajah 8 menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Kulim. Responden yang menjawab soalan ini bagi daerah Kulim adalah seramai 118 orang. Berat emas dengan peratus tertinggi adalah bagi berat 1 – 30 gram iaitu sebanyak 47% dengan kekerapan 56 orang responden. Seterusnya berat emas 31 – 60 gram mencatatkan peratus sebanyak 17% dengan kekerapan 20 orang responden. Bagi berat emas 61 – 90 gram dan juga 91 – 170 gram menunjukkan nilai peratus yang sama iaitu 12% dengan kekerapan 14 orang responden bagi setiap kedua-duanya. Kategori berat emas dengan nilai 171 – 200 gram mencatatkan peratus sebanyak 3% dengan kekerapan 4 orang responden. Yang terakhir adalah nilai 201 gram ke atas iaitu peratus sebanyak 5% dengan kekerapan 5 orang responden begitu juga bagi responden yang memilih tiada nilai berat emas mencatatkan peratus sebanyak 4% dengan kekerapan 5 orang responden.




Rajah 9. Berat Emas dipakai Bagi Kuala Muda

Rajah 9 di atas menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Kuala Muda. Bilangan responden yang menjawab soalan ini bagi daerah Kuala Muda adalah seramai 142 orang responden. Bagi daerah ini, nilai berat tertinggi adalah 1-30 gram dengan peratus 57% dan kekerapan 77 orang responden. Seterusnya ialah nilai berat 31-60 gram menunjukkan peratus sebanyak 19% dengan kekerapan 27 orang responden. Bagi berat emas 61-90 gram pula mencatatkan peratus sebanyak 12% dengan kekerapan 17 orang responden diikuti nilai berat emas 91 -170 gram iaitu 5% dengan kekerapan 7 orang. Nilai berat emas yang lain menunjukkan peratus kurang daripada 5% iaitu 171-200 gram mencatatkan 1% dengan kekerapan 2 orang dan nilai 200 gram ke atas 4% dengan 6 orang responden. Bagi responden yang memilih tiada, nilai berat emas sekali lagi menunjukkan peratus sebanyak 4% dengan kekerapan 6 orang responden.




Rajah 10. Berat Emas dipakai Bagi Yan

Seterusnya, rajah dan jadual 10 menunjukkan kategori berat emas dipakai bagi daerah Yan. Dalam daerah ini, seramai 136 orang responden telah menjawab soalan ini. Responden yang menjawab tiada bagi soalan ini menunjukkan peratus sebanyak 4% dengan kekerapan 5 orang responden. Kemudian, berat 1-30 gram menunjukkan peratus tertinggi iaitu sebanyak 49% dengan kekerapan 67 daripada 136 orang responden. Bagi berat 31-60gram pula menunjukkan peratus kedua tertinggi iaitu 23% dengan kekerapan 31 orang responden diikuti berat emas dengan nilai 61-90 gram yang mencatatkan peratus sebanyak 8% dan kekerapan adalah 11 orang responden. Peratus dengan nilai 7% pula dilihat pada berat emas 91-170 gram dengan kekerapan 10 orang responden. Kategori berat emas 171-200 gram pula menunjukkan peratus sebanyak 6% dengan kekerapan 8 orang responden. Dua kategori selebihnya pula mencatatkan peratus kurang daripada 5% iaitu bagi berat emas 200 gram ke atas dan responden yang memilih tiada bagi berat emas. Peratus bagi berat emas 201 gram ke atas adalah 3% dengan kekerapan 4 orang responden. Manakala, peratus bagi kategori tiada berat emas pula ialah 4% dengan kekerapan 5 orang responden.



Rajah 11. Berat Emas dipakai Bagi Langkawi

Rajah 11 menunjukkan berat emas dipakai bagi daerah Langkawi menunjukkan seramai 116 orang responden yang menjawab soalan bagi berat emas dipakai. Bagi daerah ini, peratusan tertinggi adalah pada berat 1 – 30 gram iaitu peratusan sebanyak 46% dan kekerapan adalah 53 orang diikuti berat 61 – 90 gram iaitu 19% dengan kekerapan sebanyak 22 orang. Kemudian berat 61- 90 gram mencatatkan peratusan ketiga tertinggi iaitu 14% dengan kekerapan 16 orang responden. Bagi berat emas 91 – 170 gram dan 201 gram ke atas, masing-masing mencatatkan kadar peratusan yang sama iaitu 7% dan juga kekerapan yang sama iaitu 8 orang responden. Berat emas 171 – 200 gram pula mencatatkan peratus sebanyak 3% dan kekerapan 4 orang responden. Bagi responden yang menjawab tiada menunjukkan peratus sebanyak 4% dengan kekerapan 5 orang responden.



Rajah 12. Berat Emas dipakai Bagi Bandar Baharu

Kategori terakhir adalah bagi daerah Bandar Baharu ditunjukkan di dalam Rajah 12. Kategori berat emas bagi daerah ini hanya mencatatkan seramai 77 orang responden. Berat emas dipakai yang menunjukkan kadar peratusan tertinggi adalah bagi berat 1-30gram iaitu sebanyak 59% dengan kekerapan 44 orang. Peratusan kedua tertinggi bagi berat emas dipakai adalah berat 31-60gram iaitu 23% dengan kekerapan sebanyak 17 orang responden diikuti berat 91-170 gram dengan peratus 7% dan kekerapan hanya 5 orang responden. Berat emas pakai yang menunjukkan peratusan kurang daripada 5% adalah bagi berat 61-90gram iaitu sebanyak 4% dan kekerapan 3 orang responden, berat 171-200gram dengan kekerapan 2 orang responden dan 201 gram ke atas dengan peratusan 5% serta kekerapan 4 orang responden.

PERBINCANGAN

Di Malaysia, pelaksanaan zakat emas perhiasan adalah merujuk kepada pandangan majoriti ulama, iaitu mana-mana individu yang pemakaian emasnya melebihi kadar uruf yang telah ditetapkan oleh negeri masing-masing, maka zakat wajib dikeluarkan. Oleh itu, dalam penentuan kadar tersebut, uruf masyarakat adalah sangat berperanan dan perlu diambil kira. Berdasarkan jadual di bawah menjelaskan pemakaian emas Wanita di 12 daerah negeri Kedah yang terdiri daripada daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap, Pokok Sena, Sik, Baling, Kulim, Kuala Muda, Yan, Langkawi dan Bandar Baharu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 7.6 % sahaja yang memiliki lebih daripada 171gram. Kebanyakan responden (49.7%) menyatakan mereka hanya memiliki emas dalam lingkungan 1-30 gram sahaja. Manakala seramai 277 responden memiliki emas antara 31-60gram. Data ini menjelaskan Wanita Islam di negeri Kedah kurang memiliki emas melebihi 170 gram. Oleh itu, kadar uruf zakat emas semasa iaitu 170gram memadai dengan pola pemakaian emas di negeri Kedah. Namun jika dilihat perbezaan dengan uruf emas di negeri lain, maka negeri Kedah boleh mempertimbangkan kenaikan kadar uruf emas perhiasan.

Daerah	Jumlah Responden	Tiada	1-30 g	31-60 g	61-90 g	91-170 g	171-200 g	201 g ke atas
Kota Setar	99	7 (7.1%)	49 (49.5%)	17 (17.2%)	13 (13.1%)	5 (5.1%)	3 (3%)	5 (5.1%)
Kubang Pasu	116	3 (2.6%)	55 (47.4%)	35 (30.2%)	6 (5.2%)	9 (7.8%)	2 (5.2%)	2 (1.7%)
Pendang	85	4 (4.7%)	43 (50.6%)	20 (23.5%)	5 (5.9%)	6 (7.1%)	3 (3.5%)	4 (4.7%)
Padang Terap	84	5 (6%)	39 (46.4%)	15 (17.9%)	12 (14.3%)	7 (8.3%)	2 (2.4%)	4 (4.8%)
Pokok Sena	92	1 (1.2%)	48 (52.2%)	20 (21.7%)	8 (8.7%)	6 (6.5%)	4 (4.3%)	5 (5.4%)
Sik	117	5 (4.3%)	54 (46.2%)	27 (23.1%)	11 (9.4%)	7 (6%)	5 (4.3%)	8 (6.8%)
Baling	107	3 (2.8%)	55 (51.4%)	26 (24.3%)	13 (12.1%)	6 (5.6%)	1 (0.9%)	3 (2.8%)
Kulim	118	5 (4.2%)	56 (47.5%)	20 (16.9%)	14 (11.9%)	14 (11.9%)	4 (3.4%)	5 (4.2%)
Kuala Muda	142	6 (4.2%)	77 (54.2%)	27 (19%)	17 (12%)	7 (5%)	2 (1.4%)	6 (4.2%)
Yan	136	5 (3.7%)	67 (49.3%)	31 (22.8%)	11 (8.1%)	10 (7.4%)	8 (5.9%)	4 (2.9%)
Langkawi	116	5 (4.3%)	53 (45.7%)	22 (19%)	16 (13.8%)	8 (6.9%)	4 (3.8%)	8 (6.9%)
Bandar Baharu	75	0	44 (58.7%)	17 (22.7%)	3 (4%)	5 (6.7%)	2 (2.7%)	4 (5.3%)
Jumlah	1287	49 (3.8%)	640 (49.7%)	277 (21.5%)	129 (10%)	90 (7%)	40 (3.1%)	58 (4.5%)

PENUTUP

Negeri Kedah ialah salah sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian amalan yang dijadikan sebagai uruf di dalam masyarakat. Kebanyakan uruf yang diamalkan di negeri Kedah adalah dianggap baik dan diterima oleh kebanyakan masyarakat dan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syarak atau dengan kata lain dikategorikan sebagai uruf soheh serta umum yang boleh di ambil kira sebagai sumber hukum (Hazizan Mat Desa & Alias Azhar, 2016). Dalam konteks ini zakat bagi emas perhiasan di Kedah hanya akan dikenakan apabila melebihi kadar uruf yang ditetapkan iaitu sebanyak 170 gram. Dapatan kajian menunjukkan seramai 49.7% responden memiliki 1-30gram emas. Ini bermakna kadar uruf 170 gram pada masa sekarang telah memadai berdasarkan pemakaian emas wanita di Kedah. Namun jika diperhatikan, kadar uruf di negeri seperti negeri Johor telah menetapkan uruf zakat emas perhiasan sebanyak 850gram. Oleh yang demikian peningkatan uruf zakat emas perhiasan di negeri Kedah wajar dinaikkan bagi memberikan psikologi positif yang dapat menarik lebih ramai individu untuk membayar zakat emas perhiasan.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan ucapan terima kasih kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darulaman dan Institut Penyelidikan & Inovasi Zakat-IPIZ UUM kerana menaja penyelidikan ini di bawah Research Grant S/O kod 14278 yang bertajuk Penetapan Uruf Zakat Emas Perhiasan Di Negeri Kedah.

RUJUKAN

- 'Abd al-Rahman b. Khaldun (t.t.), Muqaddimah Ibn Khaldun. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 68; Jurji Zaydan (t.t.), Tarikh al-Tamaddun al-Islami. Kaherah: Dar al-Hilal, juz. 3, h. 11.
- Atho' Mudzhar. (1994). "Fiqh dan Reaktualisasi Ajaran Islam", dalam Budhi Munawar Rachman (ed.), Kontekstualisasi Doktrin Islam Dalam Sejarah. Jakarta: Yayasan Paramadina, h. 369. Paramadina, h. 369.
- Ahan Rashid Senawi & Muhammad Pisol Mat Isa. (2016). Emas sebagai penanda aras nisab zakat di Malaysia: Satu Analisa. Dalam Buku Menelurusi Isu-Isu Kontemporari Zakat. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat dan Universiti Malaya.
- Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Ashrof Zaki Yaakob & Mohamad Shukran Abdul Razakv. (2019). Aplikasi fiqh zakat emas di Malaysia. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 17, No.2, pp. 265-332.
- Hazizan Mat Desa & Alias Azhar. (2016). uruf dan kesannya terhadap hukum Islam di negeri Kedah. Journal Of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE) Vol. 1: No. 1 Page 110–118.
- Hasan Bahrom & Ezani Yaakub. (2006). Pengurusan zakat semasa. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM
- Imam Al-Nawawi. (1997). al-Majmu' Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Marbauwi, Muhammad Idris Abd Rauf al-Marbauwi. (1990). Kamus al-Marbauwi. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Md Ariffin, N. M. F. (2014). Perbedaan Pemakaian uruf Zakat Emas Perhiasan (Kajian di Selangor dan Melaka). *AL-RISALAH*, 14(1), 132-160.
- Md. Saleh Haji Md. @ Ahmad, 2000. "'Urf dan Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum yang Tidak Dinaskan", dalam Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad, Fiqh Malaysia: Ke Arab Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhsin Nor Paizin. (2014). Zakat Ke Atas Harta Emas: Amalan Dan Pelaksanaan Di Malaysia. Jurnal JAWHAR. Vo1.8, No.1., 2014.
- Muhsin Nor Paizin & Hairulfazli Mohammad Som. (2019). Pelaksanaan kutipan zakat emas: amalan dan pelaksanaan institusi zakat Malaysia. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC2019). KUIS, 24 September, pp. 156-168.
- Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman, Ahmad Tirmizi Taha, Zaharah Salawati Baba dan Habshah Muda. (2016). Aplikasi Uruf dalam penunaian zakat perhiasan emas di Malaysia. Dalam Buku Menelurusi Isu-Isu Kontemporari Zakat. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat dan Universiti Malaya.
- Sidi Gazalba (1967), Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu. Bandung: PT. al-Ma'arif, h. 295. al-Shirazi, Ibrahim bin Ali. (1995). al-Lumac fi al-Usul al-Fiqh, (1). Beirut: Dar Ibnu Kathir.